**Berumur**

# 21

**Tahun keatas**




## Boleh Daftar Sebagai Pemilih Sekiranya Anda

- Warganegara **Malaysia**
- Berumur **21 Tahun** dan ke atas
- **Bermastautin** di mana-mana Bahagian Pilihan Raya mengikut alamat **Kad Pengenalan**
- Tidak hilang **Kelayakan** sebagai pemilih sebagai didalam undang-undang




## Semak Daftar Pemilih

- Semak di **www.spr.gov.my**
- **SMS** ke **15888**
- Pejabat - Pejabat Pilihan Raya Negeri
- **Kaunter Statik** di Ibu Pejabat, SPR Putrajaya
- **Kaunter Bergerak SPR** seperti Program *Outreach* dan *Caravan*
- Talian SPR **03 - 8892 7000**

## Tahukah Anda?

- Semua proses pengundian dijalankan dalam kehadiran Ejen-Ejen Pilihan Raya yang bertugas.
- Ejen Pilihan Raya ini dilantik oleh Parti Politik yang bertanding dalam pilihan raya tersebut.
- Semua peti undi akan dimeterai dihadapan Ejen Pilihan Raya sebelum pengundian bermula.
- Terdapat Pusat Mengundi yang ditutup lebih awal dari jam 5 petang terutamanya di kawasan pedalaman yang mempunyai bilangan pengundi yang tidak ramai.
- Hanya nama yang terdapat dalam Daftar Pemilih Pilihan Raya sahaja dibenarkan untuk mengundi.

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

MENARA SPR
No.2, Jalan P2T, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
www.spr.gov.my



# Bagaimana Mengundi...

## 1




Pergi ke Barong SPR untuk semakan Tempat Mengundi (Saluran). Pengundi boleh terus pergi ke Saluran sekiranya telah membuat semakan lebih awal (semakan atas talian)

## 2



Masuk ke Tempat Mengundi (Saluran) apabila dibenarkan oleh polis yang mengawal

## 3



Serahkan MyKad/Dokumen Pengenalan Diri dan Slip Saluran kepada Kerani Pengundian Pertama. Tunjukkan kedua-dua belah tangan untuk diperiksa

## 4



Bergerak ke hadapan Kerani Pengundian Kedua. Hanya selepas dibenarkan, celupkan jari telunjuk kiri ke dalam botol Dakwat Pilihan Raya. Pada masa yang sama, nama anda akan diteriakkan oleh Kerani Pengundian Pertama

## 5




Dapatkan kertas undi daripada Kerani Pengundian Ketiga

## 6




Dipetak undi pastikan anda menandakan **'X'** pada ruang kosong bersebelahan dengan nama dan simbol calon dalam Kertas Undi dengan menggunakan pen.
Pilih SATU CALON sahaja

## 7



Masukkan kertas undi yang TELAH DITANDA ke dalam Peti Undi

## 8




Setelah selesai segera keluar dari Tempat Mengundi (Saluran)